



14 MAR, 2024

KMEK, TNB Kedah/Perlis bergasak` di padang bola

Utusan Malaysia, Malaysia



Page 1 of 2



KMEK, TNB Kedah/Perlis 'bergasak' di padang bola

SETELAH aktif mengeratkan hubungan dengan pelbagai agensi di Kedah melalui sukan futsal, Kelab Media Elit Kedah (KMEK) kini turut menjadikan aktiviti bermain bola

sepak sebagai salah satu medium untuk tujuan itu.

Penglibatan para pengamal media di Kedah itu menyaksikan pertemuan pertama dalam perlawanan persahabatan

bola sepak itu apabila bertemu pasukan dianggotai warga Tenaga Nasional Berhad (TNB) Kedah dan Perlis.

Perlawanan yang berlangsung di Stadium Darul Aman, Alor

Setar, Kedah sebelum ketibaan Ramadan baru-baru ini turut diselitkan dengan majlis penyerahan jersi untuk pasukan KMEK yang ditaja Syarikat Serba Wangi Sdn. Bhd.

■ PERLAWANAN bola sepak persahabatan antara KMEK dan TNB Kedah/Perlis Executive FC yang berlangsung di Stadium Darul Aman, Alor Setar, Kedah baru-baru ini.